



1062 **TAHAP KEFAHAMAN PELAJAR UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK (UNIRAZAK) TERHADAP BUDAYA HEDONISME**

Syarul Azman bin Shaharuddin¹
Nurul Fathihah Binti Izahar¹

¹Jabatan dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej university Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang Selangor

Abstrak

Kemunculan pelbagai ideologi dan fahaman yang dibawa dari Barat menyebabkan masyarakat terutamanya umat Islam dijajah dalam bentuk serangan pemikiran tanpa disedari dengan mata kasar. Gaya hidup yang berpaksikan kepada fahaman hedonisme ini amat membimbangkan kerana ia telah berjaya menghakis nilai-nilai Islam dalam diri seseorang individu dan meruntuhkan akhlak. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman budaya hedonisme di kalangan pelajar Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK). Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar di UNIRAZAK mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang baik tentang budaya hedonisme. Namun demikian, kesedaran tentang bahaya dan keburukan mengamalkan budaya hedonisme perlu diberi pendedahan dengan lebih mendalam lagi untuk memastikan golongan remaja khususnya pelajar yang menjadi pewaris negara terselamat daripada gaya hidup yang merosakkan ini.

Kata Kunci: *Kefahaman, Budaya, Hedonisme, Remaja, Pelajar, UNIRAZAK*

1. Pengenalan

Golongan remaja ialah golongan yang paling utama dalam pembinaan sesebuah tamadun. Oleh itu, tidak hairanlah apabila banyak pihak yang memberikan tumpuan yang istimewa kepada golongan ini sebagai pelapis golongan tua yang ada, demi memastikan kesinambungan yang berterusan pada masa hadapan. Pentingnya remaja bukan sahaja terletak kepada kuantitinya yang ramai dan sebagai tenaga utama di dalam proses pembangunan dan pembinaan satu bangsa, tetapi juga sangat bergantung kepada golongan remaja yang beriman, berdisiplin dan progresif (Samsudin A.Rahim, 2007).

Namun begitu, golongan remaja seringkali dikaitkan dengan gejala sosial. Hal ini kerana, remaja merupakan peringkat fasa usia seseorang berada pada tahap ingin mencuba sesuatu yang baru dan sukakan perubahan. Oleh yang demikian, gejala sosial yang kerap berlaku bukanlah merupakan satu perkara asing lagi di dalam masyarakat. Antara sebab yang menunjukkan remaja hidup dalam keadaan bebas bersosial ialah kerana lebih menitikberatkan suatu perbuatan yang dilakukannya dengan keseronokan



dan kepuasan hidup. Keseronokan yang dimaksudkan itu hanya diputuskan oleh akal dan nafsu sendiri tanpa ada unsur agama hingga hilang nilai-nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat. Cara hidup seperti ini lebih dikenali dengan budaya hedonisme.

2. Budaya hedonisme

Menurut Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia,(2000:448), budaya didefinisikan sebagai cara berfikir dan berkelakuan manakala istilah hedonisme pula bermaksud pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Oleh itu secara ringkasnya, budaya hedonisme dapat disimpulkan sebagai suatu gaya hidup yang hanya mengejar keseronokan semata-mata.

Budaya hedonisme merupakan salah satu daripada anasir Barat yang disebarkan secara halus dan tanpa disedari bertujuan untuk merosakkan umat Islam khususnya golongan remaja melalui gaya hidup yang mementingkan keseronokan dan kepuasan hawa nafsu. Prof Dr Sidek Baba menyatakan keseronokan ini tidak lebih daripada kepuasan diri atas dorongan nafsu kerana jiwa remaja memang sentiasa segar dengan rangsangan nafsu. Bagi mereka yang sudah terpengaruh dengan budaya hedonisme ini, terdapat beberapa kenyataan untuk menggambarkan keadaan mereka seperti “hidup remaja hanya sekali”, “jangan fikirkan sangat tentang hari dewasa”, “hidup mesti *enjoy!*”, “apa perlunya berakhlak mulia dan agama”, “dosa pahala bukan isu, syurga neraka juga bukan isu, apa yang penting seronok”. Berdasarkan definisi di atas ternyata dalam budaya hedonisme, keseronokan dan kegembiraan menjadi matlamat utama walaupun terpaksa melanggar prinsip-prinsip akhlak sama ada secara sedar ataupun tidak (Sulaiman Ibrahim, et al, 2000).

Oleh itu, budaya hedonisme dapat dirumuskan keseronokan sebagai asas utama kehidupan. Konsep kebaikan dan kebahagiaan yang dibawa oleh hedonisme hanya berasaskan kepada keseronokan duniawi serta penumpuannya kepada kebendaan semata-mata. Fahaman yang mula-mula diperkenalkan di Yunani ini seterusnya telah berkembang ke Eropah dan akhirnya tersebar ke seluruh dunia mengikut falsafah sekular Barat. Fahaman ini telah berubah menjadi satu budaya dan cara hidup masyarakat. Konsep keseronokan, kenikmatan, dan kelazatan berjaya mempengaruhi masyarakat dalam pelbagai adegan perbuatan yang merosakkan masyarakat. Hasil daripada buah fikiran para hedonis telah diimplementasi sepenuhnya oleh golongan masyarakat pada hari ini terutama golongan remaja. Kehidupan mereka yang bersifat individualistik dan materialistik ini dipenuhi dengan berfoya-foya, menghabiskan masa di tempat-tempat hiburan, minum arak, berzina, dan sebagainya dengan hasrat untuk mencapai satu matlamat iaitu mengecapi keseronokan, kebahagiaan, dan kenikmatan duniawi.



3. Objektif

Beberapa objektif telah dikenalpasti dalam melaksanakan kajian ini agar ia menepati dan mencapai keperluan kajian untuk menghasilkan satu kajian yang bermutu tinggi dan memuaskan. Berikut merupakan objektif kajian iaitu:

- i. Untuk mengenalpasti budaya hedonism secara umum.
- ii. Untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar UNIRAZAK terhadap budaya hedonisme.

4. Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dan dianalisis menggunakan kaedah analisa statistik deskriptif bagi mengetahui tahap kefahaman pelajar UNIRAZAK terhadap budaya hedonism. Bagi mengumpulkan data dalam kajian, instrumen yang digunakan ialah set soal selidik. Satu set soal selidik disediakan mengandungi 15 soalan bagi 61 orang responden. Menurut Sekaran, Uma (2003) metode soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai dalam mengkaji hal-hal berkaitan pengukuran terhadap sesuatu perkara seperti pengetahuan, sikap, kefahaman, penglibatan dan sebagainya.

Malah, ianya bersifat praktikal dan berkesan dalam mengawal jumlah sampel kajian yang besar. Semua soalan yang dibentuk adalah dengan menggunakan skala pengukuran Likert dalam mengukur tahap kefahaman pelajar UNIRAZAK terhadap budaya hedonism yang mempunyai lima skala iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Selain itu, pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah pemilihan reka bentuk, pemilihan populasi dan sampel kajian, pengumpulan data serta penganalisan data (Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2006).

5. Dapatan Kajian

Tahap kefahaman pelajar terhadap budaya hedonisme yang dimaksudkan dalam kajian ini bertujuan untuk mengukur sejauhmana pengetahuan yang dimiliki oleh mahasiswa UNIRAZAK berkaitan budaya hedonisme termasuk dari sudut definisi, ciri-ciri dan kesan-kesan akibat budaya hedonisme yang telah diletakkan sebagai item dalam set soal selidik. Ianya untuk melihat samada mereka memahaminya atau sebaliknya.

Tahap kefahaman pelajar terhadap budaya hedonisme di dalam kajian ini menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai yang ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.



Jadual 1: Tahap kefahaman pelajar terhadap budaya hedonisme

Bil.	Item	(STB) F %	(TB) F %	(TP) F %	(S) F %	(SS) F %	Min	Tahap Min
B1.	Merupakan gaya hidup yang mementingkan keseronokan sebagai matlamat utama hidup.	2 (3.3)	9 (14.8)	15 (24.6)	19 (31.1)	16 (26.2)	3.62	Tinggi
B2.	Berasal dari negara Barat yang boleh merosakkan akhlak dan peribadi remaja.	5 (8.2)	5 (8.2)	13 (21.3)	23 (37.7)	15 (24.6)	3.62	Tinggi
B3.	Hanya mengutamakan hawa nafsu.	7 (11.5)	8 (13.1)	16 (26.2)	16 (26.2)	14 (23.0)	3.36	Tinggi
B4.	Merupakan salah satu daripada bentuk serangan pemikiran.	4 (6.6)	6 (9.8)	11 (18.0)	23 (37.7)	17 (27.9)	3.70	Tinggi
B5.	Golongan yang paling ramai dan mudah terpengaruh terdiri daripada kalangan remaja.	1 (1.6)	3 (4.9)	11 (18.0)	23 (37.7)	23 (37.7)	4.05	Tinggi
B6.	Melahirkan individu yang bersifat materialistik.	-	5 (8.2)	22 (36.1)	19 (31.1)	15 (24.6)	3.72	Tinggi
B7.	Individu menjadi taksuf dengan hal-hal keduniaan dan kemewahan.	-	5 (8.2)	9 (14.8)	31 (50.8)	16 (26.2)	3.95	Tinggi
B8.	Hanya mengikut kepuasan akal semata-mata tanpa pegangan agama.	2 (3.3)	10 (16.4)	10 (16.4)	25 (41.0)	14 (23.0)	3.64	Tinggi
B9.	Menyebabkan remaja kurang bergaul dengan masyarakat sebaliknya lebih suka hidup bersendirian.	4 (6.6)	8 (13.1)	20 (32.8)	24 (39.3)	5 (8.2)	3.30	Tinggi
B10.	Antara ciri-cirinya ialah individu yang suka meninggalkan solat.	5 (8.2)	6 (9.8)	22 (36.1)	15 (24.6)	13 (21.3)	3.41	Tinggi
B11.	Merupakan individu yang tidak suka kepada kehidupan beragama.	4 (6.6)	10 (16.4)	19 (31.1)	17 (27.9)	11 (18.0)	3.34	Tinggi
B12.	Sama sekali tidak mempengaruhi hal keimanan seseorang.	7 (11.5)	17 (27.9)	21 (34.4)	13 (21.3)	3 (4.9)	2.80	Sederhana
B13.	Perbuatannya tidak membawa kepada dosa.	10 (16.4)	20 (32.8)	22 (36.1)	8 (13.1)	1 (1.6)	2.51	Sederhana
B14.	Salah satu daripada pengaruhnya ialah kumpulan <i>Blackmetal</i> .	4 (6.6)	9 (14.8)	21 (34.4)	19 (31.1)	8 (13.1)	3.30	Tinggi
B15.	Mengalakkan seseorang suka kepada hiburan yang melampau.	3 (4.9)	7 (11.5)	16 (26.2)	22 (36.1)	13 (21.3)	3.57	Tinggi

Sumber: Soal Selidik 2019



Jadual menunjukkan bahawa setiap item dalam tahap kefahaman pelajar terhadap budaya hedonisme adalah berada pada tahap tinggi dan sederhana. Tiada rekod yang dicatatkan berada pada tahap rendah. Hasil kajian mendapati bahawa item B5 iaitu *“Golongan yang paling ramai dan mudah terpengaruh terdiri daripada kalangan remaja”* mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu sebanyak (min = 4.05). Seterusnya, dari kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa responden yang setuju dan sangat setuju mempunyai jumlah yang sama iaitu seramai 23 orang (37.7%). Manakala seramai 11 orang responden (18.0%) mengatakan tidak pasti, seramai 3 orang responden (4.9%) mengatakan tidak bersetuju dan hanya seorang sahaja (1.6%) yang mengatakan sangat tidak bersetuju.

Seterusnya item B12 iaitu *“Sama sekali tidak mempengaruhi hal keimanan seseorang”* dan item B13 iaitu *“Perbuatannya tidak membawa kepada dosa”* kedua-duanya berada pada tahap sederhana. Item B13 mempunyai nilai min yang paling rendah iaitu sebanyak (min = 2.51) dan diikuti oleh item B12 dengan nilai minnya sebanyak (min = 2.80). Dari segi kekerapan dan peratusan pula, kedua-dua item menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan jawapan tidak pasti iaitu item B13 seramai 22 orang (36.1%), manakala item B12 seramai 21 orang (34.4%).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, tahap kefahaman dan pengetahuan mahasiswa UNIRAZAK berkaitan budaya hedonisme boleh dikatakan berada pada tahap yang baik kerana nilai min yang ditunjukkan adalah tinggi dan hanya dua item sahaja yang berada di tahap sederhana. Namun, jika dilihat pada *skala likert* yang di pilih oleh responden, skala pada nilai 3 iaitu jawapan Tidak Pasti juga menunjukkan jumlah yang banyak dipilih berbanding *skala likert* yang lain. Ini bermakna, terdapat segelintir responden yang masih ragu-ragu dan kurang mengetahui berkenaan budaya hedonisme seterusnya memilih jawapan tidak pasti ini.

Maka secara kesimpulan, pengkaji dapat merumuskan bahawa tahap kefahaman dan pengetahuan tentang budaya hedonisme di kalangan pelajar UNIRAZAK berada di tahap yang memuaskan. Oleh itu, penekanan dan pendedahan berkaitan budaya hedonisme perlu diberikan kepada semua pihak khususnya terhadap golongan remaja kerana tingkah laku seseorang individu dalam kehidupannya samada baik atau buruk ditentukan oleh ilmu pengetahuan yang dimilikinya.

6. Perbincangan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji Pengaruh Budaya Hedonisme Terhadap Remaja: Kajian di Kalangan Pelajar UNIRAZAK. Secara ringkasnya, adalah untuk memberi pendedahan kepada remaja khusus pelajar UNIRAZAK berkenaan budaya hedonisme dalam kalangan anak muda yang cenderung menjadikan fahaman ini sebagai tujuan dan gaya hidup mereka.



Menelusuri sejarah perkembangan hedonisme, budaya ini didukung oleh ahli falsafah Yunani iaitu Aristippus. Dikembangkan lagi oleh Epicurus seorang ahli falsafah Yunani, mengatakan makna hedonisme adalah tujuan hidup untuk kesenangan dan kedamaian. Hedonisme digariskan keseronokan sebagai tunjang utama kehidupan. Keseronokan ini diputuskan sendiri oleh akal manusia. Hal ini sedikit sebanyak bertepatan dengan matlamat sekularisme yang mahu memastikan manusia bebas daripada segala unsur ketuhanan.

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa budaya hedonisme ini berasal usul dari Barat dan merupakan salah satu dari agenda Barat untuk melemahkan umat Islam. Jelas bahawa konsep pemikiran berunsurkan hedonisme tidak relevan digunakan dalam masyarakat Islam kerana boleh membantutkan pemikiran serta pembangunan sosial disebabkan oleh anasir-anasir seperti hiburan yang melemahkan iman seseorang.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar UNIRAZAK terhadap budaya hedonisme adalah tinggi. Ini bermakna secara teorinya, mereka memahami apa yang dimaksudkan dengan hedonisme. Kefahaman dan pengetahuan berkaitan budaya hedonisme perlu ada pada setiap individu agar mereka sentiasa celik dan cakna dengan kesan buruk yang datang daripada pengamalan gaya hidup yang berlandaskan keseronokan dan kenikmatan semata-mata iaitu hedonisme.

Beberapa cadangan perlu ditambahbaik kepada pihak-pihak berkaitan agar dapat diteruskan dan dimanfaatkan dalam penambahbaikan kajian seterusnya serta kerja-kerja dakwah pada masa akan datang agar menghasilkan impak yang lebih efektif.

7. Penutup

Secara kesimpulannya, hasil keseluruhannya menunjukkan bahawa setiap responden memahami kehendak soalan yang diutarakan di dalam soal selidik. Hasil kajian juga menunjukkan maklum balas yang diberikan oleh responden adalah memuaskan dengan kerjasama yang baik. Walaubagaimanapun, beberapa usaha perlu ditingkatkan dan dipergiatkan lagi agar golongan remaja atau mana-mana golongan daripada pelbagai peringkat usia dapat dijauhkan daripada budaya hedonisme ini. Perhatian yang serius perlu diberikan oleh setiap pihak yang berkenaan supaya usaha dalam memartabatkan kualiti hidup seiring dengan pembentukan akhlak yang mulia mampu dilaksanakan.

8. Rujukan

- A. Aziz Deraman . (2001). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia: Suatu Analisis Perkembangan Kebudayaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghafar Hj Don. (1999). *"Budaya Hedonisme : Corak dan Kesannya Terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia" dalam Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Abdul Samad Ahmad. (1990). *Seni Kehidupan dan Masyarakat*. Melaka: Associated Educational Distributor.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2006). *How to design and evaluate research in education* (6th ed.). New York, NY: McGraw-Hill.
- Ghazali Darusalam. (1998). *Dakwah Islam Dan Ideologi Barat Ancaman Postmodernisme Terhadap Umat Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia, A.Rahim. 2007. *Generasi belia: Satu Cetusan Pandangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia*
- Meor Hisham Zulkifli. (1997). *Mencari Formula Mengekang Hedonisme*. Berita Harian.
- Sulaiman Ibrahim. 2000. *Tarbiah da'wiah untuk golongan remaja: Suatu Tinjauan terhadap Manhaj al-Ikhwan al-Muslimin*. Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot (pnyt.). *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rahman Yurliani. (2007). *Kecenderungan Hedonisme Pada Masyarakat Melayu Medan dengan Masyarakat Melayu Tanjung Pura*. Universitas Sumatera.
- Syed Mahadzir Syed Ibrahim. (2000). *Sikap Masyarakat dalam Menghadapi Karenah Remaja*.